




Laporan CSR 2011



Linking your dreams
LINTEC Corporation




Lintec dalam Kehidupan Seharian

Produk Lintec memainkan peranan aktif di dalam semua aspek kehidupan

- ① Lapik fotovoltaic ② Filem window bangunan ③ Filem window kereta
- ④ Filem grafik ⑤ Lapik lamina hiasan dalaman ⑥ Kertas khas ⑦ Bahan-bahan tera dan label ⑧ Kertas acuan untuk bahan komposit gentian karbon ⑨ Filem LCD
- ⑩ Filem bersalut yang digunakan untuk membuat pelbagai kapasitor seramik yang berlapis-lapis

Gambaran keseluruhan syarikat (mulai 31hb Mac 2011)

| | | |
|------------------------------|--|---|
| Nama Syarikat | LINTEC Corporation | |
| Ibu pejabat | 23-23, Honcho, Itabashi-ku, Tokyo 173-0001, Japan | |
| Hompej | http://www.lintec-global.com/ | |
| Ditubuhkan | Oktober 1934 | |
| Modal | 23.2 bilion yen | |
| Senarai Saham | Bursa Saham Tokyo, Kod Sekuriti seksyen pertama: 7966 | |
| Tahun fiskal | Setiap tahun mulai 1hb April hingga tahun berikutnya 31hb Mac | |
| Wakil | Akihiko Ouchi, President and CEO | |
| Jumlah pekerja | Digabungkan: 4 198 orang | Tidak digabungkan: 2 529 orang |
| Tempat | Pejabat-pejabat jualan: Tokyo, Sapporo, Sendai, Hokuriku (Wilayah Toyama), Shizuoka, Nagoya, Osaka, Hiroshima, Shikoku (Wilayah Ehime), Fukuoka dan Kumamoto | |
| | Tempat-tempat pengeluaran: Agatsuma (Wilayah Gunma), Kumagaya (Wilayah Saitama), Ina (Wilayah Saitama), Chiba, Tatsuno (Wilayah Hyogo), Shingu (Wilayah Hyogo), Komatsushima (Wilayah Tokushima), Mishima (Wilayah Ehime), Doi (Ehime), dan Niihama (Wilayah Ehime) | |
| Kemudahan R&D: | Pusat Penyelidikan (Wilayah Saitama) | |
| Pejabat luar negeri: | Shanghai, China | |
| Subsidiari | Digabungkan: 4 buah syarikat di Jepun, 18 buah syarikat di luar Jepun | |
| | Tidak digabungkan: 5 buah syarikat di Jepun, 6 buah syarikat di luar Jepun | |
| Aktiviti-aktiviti perniagaan | Perkembangan, pembuatan dan penjualan produk pelekat (bahan tera dan label, filem grafik, filem window, pita pembuatan semi-konduktor, filem kegunaan optik dan produk penjagaan kesihatan, dll), kertas khas, (kertas sampul surat berwarna, kertas berwarna, kertas kegunaan tertentu, dll), bahan-bahan memproses (kertas pelepas, filem pelepas, kertas acuan untuk kulit tiruan, kertas acuan untuk bahan komposit gentian karbon, dll) dan alat-alat berkaitan dengan pelekat (mesin pencetak label, mesin pelabel, alat-alat untuk pembuatan semi-konduktor, dll) | |
| Jualan | Digabungkan: 212.7 bilion yen | Tidak digabungkan: 176.0 bilion yen (tahun fiskal 2010) |
| Pendapatan pengendalian | Digabungkan: 20.9 bilion yen | Tidak digabungkan: 11.4 bilion yen (tahun fiskal 2010) |



Untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci berhubung dengan kewangan, sila lihat bahagian Hubungan Pelabur Hompej Lintec di <http://www.lintec-global.com/ir/>

Mesej daripada Presiden Korporat

Di Lintec, kami bekerja keras untuk memenuhi tanggungjawab kami sebagai sebuah syarikat global. Kami mendapat inspirasi daripada semangat CSR yang dinyatakan oleh moto syarikat kami, “Keikhlasan dan Kreativiti” seluruh kumpulan kami bertekad untuk membuat perubahan dan mempercepat pembaharuan.

Sejak kejadian gempa bumi besar Jepun Timur, negara Jepun telah menerima bantuan dari beberapa buah negara di sekitar dunia. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan perasaan terima kasih saya yang tidak terhingga di atas bantuan yang dihulurkan. Saya juga ingin menyampaikan ucapan takziah yang tidak terhingga kepada semua orang yang terlibat dalam bencana alam itu dan saya sangat berharap kawasan yang telah hancur musnah itu akan pulih kembali secepat mungkin. Kumpulan Lintec tidak mengalami sebarang kemusnahan yang teruk, maka, kami dapat memberi bantuan kewangan dan mengirim 300 000 pelitup untuk membantu kawasan-kawasan yang menderita. Memikirkan masa akan datang, kami akan terus membangunkan sistem untuk menguruskan pelbagai jenis risiko, termasuk bencana alam semula jadi dan cabaran menghadapi kekurangan bekalan tenaga elektrik tempoh sementara.



Sejak ditubuhkan dalam tahun 1927, kebanyakan teknologi original Lintec yang hebat dalam bidang pelekat telah diusahakan untuk membangunkan dan memperkenalkan pelbagai portfolio produk yang memenuhi keperluan sosial. Di antaranya, hari ini, kami mengemukakan pelbagai produk seperti kertas pelekat dan filem untuk menerima dan melabel, bahan-bahan memproses untuk papan tanda di luar rumah dan hiasan di dalam rumah, pelbagai bahan pelekat untuk penggunaan bangunan dan automotif, lapik fotovoltaic, pita dan alat untuk pembuatan semi-konduktor, filem kegunaan optik, kertas sampul surat berwarna dan lain-lain kertas khas yang lain dan kertas acuan untuk bahan komposit gentian karbon dan kulit tiruan. Dengan pelbagai jenis produk yang dikemukakan, Lintec boleh dikatakan telah menyentuh setiap aspek kehidupan moden.

Komitmen kami kepada mutu ketukangan adalah berasaskan moto syarikat kami, “Keikhlasan dan Kreativiti”. Ketukangan yang kreatif dan ikhlas harus menjadi detik permulaan semangat CSR bagi semua pengilang, dan sudah tentu ia wujud di Lintec. Kami telah menyatakan kesanggupan kami mewujudkan pertumbuhan yang kekal dalam menjalankan perniagaan dengan cara yang benar-benar baik dan nyata serta mengambil kesempatan daripada kepintaran yang kami peroleh dari keazaman kami untuk memperkenalkan sesuatu yang baru. Dengan cara yang mudah, kami melihat CSR sebagai satu bahagian penting teras perniagaan kami dan untuk mencapai hasrat tersebut kami mempraktikkan daya usaha pelindungan teliti dan daya usaha proaktif.

Syarikat-syarikat hanya boleh terus berkembang dan membangun sekiranya masyarakat seluruhnya sedemikian. Tidak ada sebuah syarikat pun yang boleh mencapai pertumbuhan yang kekal untuk diri sendiri tanpa merangsang kemajuan sosial. Itulah sebabnya, di Lintec, kami melihat daya usaha CSR sebagai satu elemen yang amat diperlukan bagi setiap perkara yang kami lakukan.

Dalam tahun fiskal 2010, Lintec telah mengumumkan pencapaian yang paling tinggi, menewaskan persekitaran perniagaan yang mencabar yang telah berterusan sejak berlakunya kemelesetan global. Dalam bulan Mac 2011, kami juga telah menujuhkan sebuah rancangan perniagaan tempoh sederhana—Rancangan pembaharuan Lintec III (LIP-III)—meliputi tiga tahun dari bulan April 2011 hingga bulan Mac 2014. Dalam LIP-III, kami telah menyusun wawasan “mencapai pertumbuhan yang kekal dan memaksimumkan nilai korporat menerusi pembaharuan yang agresif dan berani”. Untuk memastikan wawasan ini berjaya, kami sedang mengusahakan empat tema yang penting: mengukuhkan dan meluaskan perniagaan kami di luar negara, terutamanya di Asia; meluaskan perniagaan domestik kami dan meningkatkan keuntungan dengan mengoptimumkan mutu, kos dan tempoh penghantaran (QCD); mencipta produk original yang baru yang akan membantu pertumbuhan di masa akan datang; dan mengukuhkan pengurusan global.

Tidak ada satu pun di antara daya usaha ini boleh dipisahkan dari CSR. Semasa kami berusaha bersungguh-sungguh mencipta produk original yang baru, contohnya, kami berusaha bermati-matian untuk membangunkan produk mesra alam sekitar seperti komponen sel fotovoltaic yang merupakan sebahagian besar tenaga semula jadi dan filem window yang dapat membantu menjimatkan tenaga.

Dan lagi, semasa kami mengukuhkan pengurusan global, kami akan menolak jauh ke hadapan dengan usaha untuk memperoleh pengiktirafan integrasi global ISO 14001 dan akan menggunakan garis panduan ISO 26000 mengenai tanggungjawab sosial yang dikeluarkan dalam bulan November 2010. Tambahan pula, dalam bulan April tahun ini, Lintec telah mengumumkan penyertaannya dalam Perjanjian Global UN. Dengan cara begini dan banyak lagi yang lain, kami yakin dapat memastikan kegiatan perniagaan kami memenuhi semua tanggungjawab sebuah syarikat global yang terkemuka.

Laporan ini meringkaskan daya usaha-daya usaha CSR kumpulan Lintec yang telah menumpukan pada aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun lalu. Pemahaman anda terhadap usaha-usaha perniagaan kami adalah sangat penting bagi kami. Kami mengalu-alukan pandangan dan penilaian anda yang ikhlas terhadap perkembangan kami.


Akihiko Ouchi
President and CEO
Lintec Corporation

"Keikhlasan dan Kreativiti" adalah asas CSR Lintec

CSR Lintec berasaskan moto syarikat iaitu "Keikhlasan dan Kreativiti". Ini merupakan cita-cita ideal kami.

"Keikhlasan" bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai. Dan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati.

"Kreativiti" bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikan lebih baik lagi, mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo. Menunjukkan keutuhan kepada semua pemegang amanah harta dan bertindak sendiri menghadapi cabaran-cabaran baru berulang kali dengan tekad untuk membuat pembaharuan adalah detik permulaan bagi pengilang berdedikasi terhadap mutu ketukangan. "Bermula dengan Keikhlasan dan kemudian menggunakan Kreativiti" merupakan pendekatan Lintec yang tidak berubah dan menjadi daya penggerak yang menguatkan pertumbuhan yang kekal.

Lintec menjalankan daya usaha CSR selaras dengan 6 pendekatan-pendekatan asas. Pejabat Pengurusan CSR yang ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan di bawah kawalan presiden sendiri, berusaha untuk membangkitkan semangat CSR yang lebih mendalam dan sepenuh hati demi memelihara dan menyebarkan standard etika yang tinggi dan untuk menyokong daya usaha keenam-enam jawatankuasa CSR. Keenam-enam jawatankuasa CSR yang mempunyai keahlian pengelolaan bersilang dan setiap satunya melibatkan seorang pegawai yang bertugas, membimbing daya usaha dengan penuh tanggungjawab dari sudut pandangan pengurusan. Tambahan pula, kegiatan perniagaan dijalankan menurut Garis Panduan Pematuhan, Dasar Mutu, Dasar Pemerolehan dan Piagam Alam Persekutuan yang ditubuhkan berasaskan moto syarikat Lintec, pernyataan misi dan pendekatan-pendekatan CSR yang asas.

Pendekatan-pendekatan asas CSR

• Pelaksanaan etika dan pematuhan korporat dijalankan dengan teliti

Kami akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan pencegahan salah laku dengan mempertingkatkan latihan-latihan untuk pekerja dan mengukuhkan perlembagaan korporat dengan memberi penegasan terhadap disiplin diri yang ketat sebagai sebuah syarikat dan sebagai seorang individu.

• Peningkatan kepuasan pelanggan

Kami akan berikhtiar bersungguh-sungguh untuk memperbaik kos produk, mutu, keselamatan serta perkhidmatan dan untuk mengeluarkan produk dari sudut pandangan pelanggan.

• Kegiatan perusahaan yang mesra alam sekitar

Kami akan melaksanakan daya usaha mesra alam sekitar seperti menjamin penggunaan tenaga dan sumber-sumber lain yang berkesan dalam aktiviti perniagaan kami dan berusaha mencapai pertumbuhan yang kekal.

• Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan

Kami akan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan tenteram serta dapat menjamin kesihatan, corak hidup yang memuaskan untuk para pekerja dan keluarga mereka.

• Sumbangan-sumbangan sosial

Kami akan menyumbang kepada masyarakat tempatan bukan sahaja menerusi bantuan ekonomi tetapi pelbagai daya usaha yang lain.

• Pengurusan yang berorientasikan pemegang saham dan pelabur

Kami akan berusaha untuk mempertingkatkan jenama korporat melalui pendedahan aktiviti dan daya usaha demi mempertingkatkan keketaraan kewujudan syarikat.

Sistem Promosi CSR




Aktiviti-aktiviti Pejabat Pengurusan CSR

- Perumusan dasar-dasar asas dalam perlaksanaan CSR
- Penyeliaan perancangan aktiviti-aktiviti keseluruhan enam buah jawatankuasa
- Mengawasi, mengaudit dan menyokong aktiviti-aktiviti setiap jawatankuasa
- Melaporkan segera perkara-perkara penting kepada lembaga pengarah dan juru audit
- Sekretariat Jawatankuasa Penilaian Risiko
- Misi-misi yang lain

Rancangan dan latihan perniagaan tempoh sederhana LIP-III CSR yang baru dalam teras perniagaan

Dalam rancangan perniagaan tempoh sederhana LIP-III yang baru yang bermula dalam bulan April 2011, kami bertanggungjawab melaksanakan semua aktiviti korporat dengan penuh tanggungjawab terhadap pengurusan dorongan CSR dan berjanji untuk menegaskan kepentingan perspektif CSR ketika Lintec mengembangkan perniagaannya secara global.

Kami akan menerima sepenuhnya cabaran mencipta pembaharuan yang memenuhi keperluan sosial dan menyelesaikan persoalan, dan akan meneruskan pertumbuhan yang berterusan sementara berusaha bersungguh-sungguh memaksimumkan nilai korporat. Kami percaya usaha ini juga akan menyumbang dalam mencipta sebuah dunia yang kekal.



Rancangan perniagaan tempoh sederhana LIP-III yang baru

Berasaskan wawasan mencapai pertumbuhan yang kekal dan memaksimumkan nilai korporat menerusi pembaharuan yang agresif dan berani, kami akan berusaha mencapai empat matlamat penting: (1) mengukuhkan dan mengembangkan perniagaan-perniagaan luar negara (2) mengembangkan perniagaan-perniagaan dalam negeri dan meningkatkan keuntungan dengan mengoptimumkan QCD (3) mencipta produk-produk baru yang original yang akan menampung generasi yang berikutnya (4) mengukuhkan pengurusan global. Terutamanya, berhubung dengan pengukuhan pengurusan global, rancangan tersebut termasuk melaksanakan semua aktiviti korporat dengan bertanggungjawab terhadap pengurusan dorongan CSR, penyertaan di dalam Perjanjian Global UN, dan penggunaan panduan ISO 26000 berkenaan tanggungjawab sosial.

Matlamat berangka (berakhir hingga bulan Mac 2014)

- Jualan yang digabungkan 260 bilion yen
- Pendapatan kendalian yang digabungkan 26.0 bilion yen
- Pulangan kendalian Lebih daripada 10%
- ROE (Pulangan ekuiti) Lebih daripada 10%
- ROIC (Pulangan modal pelaburan) Lebih daripada 10%

Penyertaan di dalam Perjanjian Global UN

Dalam bulan April 2011, Lintec telah mengumumkan bahawa ia akan mengambil bahagian dalam Perjanjian Global UN. Perjanjian Global UN merupakan satu daya usaha untuk perniagaan-perniagaan di sekeliling dunia berusaha sebagai warga negara global menyokong 10 prinsip dalam bidang hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan anti-rasuah. Maju ke hadapan, Perjanjian Global ini dapat digunakan sebagai garis panduan untuk pengurusan global Lintec.

Penggunaan garis panduan ISO 26000 berkenaan tanggungjawab sosial

ISO 26000 yang dikeluarkan dalam bulan November 2010 merupakan standard antarabangsa yang pertama bagi tanggungjawab sosial organisasi. Lintec akan merujuk pada ISO 26000 ketika ia menjalankan daya usaha untuk mengukuhkan pengurusan global, yang merupakan salah satu daya usaha LIP-III.

Rancangan Pemegang Amanah Harta

Perniagaan Kumpulan Lintec disokong oleh ramai pemegang amanah harta, termasuk pelanggan, pembekal, pekerja, pemegang saham dan pelabur, masyarakat tempatan dan persekitaran global.

Kami akan cuba menyediakan bekalan produk yang stabil, menjaga mutu dan memperbaik perkhidmatan demi memenuhi harapan pelanggan dan memperoleh kepercayaan.

Kami akan berusaha bersungguh-sungguh demi urus niaga yang adil dan ketara, berharap mencapai harmoni dan manfaat bersama dengan semua pembekal.

Kami akan berusaha mewujudkan persekitaran tempat bekerja di mana pekerja-pekerja boleh menjalankan kerja dengan fikiran yang tenang dalam pada menghormati motivasi pekerja dalam kehidupan dan pekerjaan berdasarkan pada matlamat meningkatkan kepuasan pekerja.



Kami akan menyumbang terhadap mewujudkan sebuah masyarakat yang mesra persekitaran dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kesan persekitaran kita, menganggap perlindungan persekitaran sebagai satu keperluan penting yang membentuk asas kewujudan korporat.

Kami akan memenuhi permintaan pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur dengan meningkatkan pengurusan yang ketara, mendedahkan maklumat secara wajar dan tepat pada waktunya dan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan nilai korporat.

Kami akan berkomunikasi dengan masyarakat tempatan dan meneruskan kewujudan bersama yang harmoni berdasarkan idea bahawa syarikat adalah ahli masyarakat.



Pengurusan dorongan CSR bagi pertumbuhan global dan pengaruh kekuatan teknikal untuk mengemukakan isu sosial

Tetap kekal dipercayai oleh masyarakat berdasarkan moto syarikat kami, “Keikhlasan dan Kreativiti”

Ouchi Ciri penting pengurusan CSR di Lintec adalah sistem promosi CSR seluruh syarikat kami berdasarkan enam jawatankuasa CSR, ditubuhkan mengikut baris-baris tema daya usaha-daya usaha CSR. Ini bermula dengan pelancaran sebuah jawatankuasa CSR diketuai oleh naib presiden dalam tahun 2004, tahun yang saya menjadi presiden. Kami faham kami harus mengemukakan tanggungjawab sosial dalam semua perkara yang dilakukan oleh Lintec. Selama beberapa tahun Lintec telah memegang falsafah pengurusan menyumbang kepada masyarakat sebagai sebuah syarikat yang boleh dipercayai berdasarkan asas yang harmoni di kalangan orang ramai dan kemampuan perkembangan teknikal seperti yang ternyata dalam moto syarikat kami “Keikhlasan dan Kreativiti”. Daya usaha kami memperoleh manfaat dari budaya ini, dan hari ini jawatankuasa CSR secara proaktif mempraktikkan usaha-usaha CSR, bekerja di bawah Pejabat Pengurusan CSR, yang melaporkan terus kepada saya. Dan lagi, seorang pegawai telah dipertanggungjawabkan ke atas setiap jawatankuasa dan kami telah menyatakan dengan jelas komitmen untuk memastikan semua pekerja bertindak dengan kesedaran CSR. Selain itu, daya usaha kami sendiri kebanyakannya dijalankan oleh Korporat Lintec sahaja – atau syarikat-syarikat berkumpulan di dalam Jepun – maka kami perlu berusaha memperluas daya usaha-daya usaha CSR kami secara global. Maka sebab itu kami memasukkan komitmen dalam melaksanakan semua aktiviti korporat dengan komitmen pengurusan dorongan CSR dalam rancangan perniagaan tempoh sederhana LIP-III yang baru yang bermula pada tahun fiskal ini, menyatakan pendirian kami dengan Perjanjian Global UN bagi hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan anti rasuah, dan telah menyatakan kesanggupan untuk menggunakan ISO 26000.

Unno Di dalam satu kajian, 70% CEO perbadanan-perbadanan Amerika Syarikat berkata bahawa mengekalkan kebolehan sangat penting bagi pengurusan bergerak maju ke hadapan, menunjukkan arah CSR global. Persepsi tanggungjawab sosial telah menjadi lebih tetap sejak ISO 26000 dikeluarkan pada tahun lalu, tetapi apa yang penting adalah menyedari bahawa CSR bererti ‘menyelesaikan cabaran-cabaran sosial (iaitu memenuhi keperluan) menerusi pelaksanaan perniagaan yang bertekad untuk membina sebuah masyarakat yang kekal.’ Syarikat-syarikat selalu memikirkan CSR dari segi risiko, seperti etika korporat dan pengurusan risiko, tetapi CSR mempunyai potensi mendorong penciptaan hasil yang baru sekiranya seseorang itu melihatnya bukan sahaja dari segi risiko tetapi juga dari segi peluang-peluang perniagaan. Saya menamakan CSR ini CSR strategik. Hingga kini, mengembalikan semula kepada masyarakat melalui apa yang dinamakan aktiviti-aktiviti sumbangan sosial adalah dibiayai oleh keuntungan. Tetapi mulai sekarang, CSR perlu digabungkan ke dalam pelbagai proses yang menghasilkan keuntungan.

Ouchi Maka, dalam perkataan lain, mempraktikkan CSR menerusi perniagaan teras kami dan khususnya, bagaimana kami mengemukakan isu sosial adalah amat penting. Contohnya, membangunkan keupayaan perkembangan Lintec untuk memberi dunia produk yang menguntungkan dan yang positif untuk orang ramai boleh merupakan satu sumbangan seperti itu. Itulah sebabnya mengapa saya fikir kami mesti mendengar dengan teliti akan keperluan dan harapan masyarakat serta pemegang amanah harta.

Unno CSR strategik mempunyai 3 unsur: perniagaan yang mengemukakan isu sosial, mengatasi risiko CSR dan sumbangan sosial strategik. Bahkan, faktor-faktor risiko boleh difikirkan sebagai positif sekiranya anda mengubah cara anda berfikir. Saya fikir syarikat yang akan terus wujud atau yang dapat bertahan adalah syarikat yang tidak membiarkan masalah terus kekal masalah tetapi lebih mencari aspek positif di dalamnya.

**Mizue Unno**

Managing Director
So-Tech Consulting Inc.

Lulusan Universiti Chiba, telah menubuhkan So-Tech Consulting Inc. dalam tahun 1996 setelah bekerja untuk syarikat perunding pengurusan. Pada masa ini bekerja sebagai seorang pensyarah sambilan di Universiti Tokyo sekolah siswazah sempadan ilmu sains dan juga memegang jawatan sebagai seorang pesuruhjaya di beberapa buah pejabat kerajaan.

**Akihiko Ouchi**

President and CEO
Lintec Corporation

Strategi Global Lintec: Mengehadkan perniagaan pada satu tempat

Ouchi Globalisasi di dalam syarikat kami tidak bererti hanya memindahkan tapak pengeluaran ke luar pesisir. Terdapat satu frasa ‘Made in Market,’ iaitu idea asas untuk mewujudkan tapak jualan dan pengeluaran di mana ia diberi ada pasaran, supaya dapat bertindak pantas terhadap harapan pasaran itu. Dalam keadaan itu, memperoleh dan membangunkan sumber manusia dalam kawasan itu adalah isu yang penting. Saya rasa untuk masa depan, mengehadkan sumber manusia pada satu tempat adalah ideal, dan lagi, elok mempunyai pekerja tempatan melibatkan diri dalam pengurusan syarikat dengan perasaan bangga dan ghairah.

Unno Pada umumnya, orang ramai berkata membincang isu hak asasi manusia dan persekitaran pekerjaan di luar Jepun boleh menimbulkan masalah. Adalah perlu bagi kita untuk memikirkan bagaimana hendak menghadapi risiko seperti ini ketika membangunkan persekitaran pekerjaan tempatan. Begitu juga, ISO 26000 meminta penglibatan dan sumbangan terhadap pembangunan masyarakat tempatan dan skop tanggungjawab meluas hingga ke bekalan yang berterusan, seperti pembekal bahan mentah. Di dalam kedua-dua kes ini, permintaan yang sukar dikenakan pada syarikat, tetapi perkara-perkara ini tidak dapat dielakkan.

Ouchi Kerjasama para pembekal adalah sangat penting terhadap pertumbuhan perniagaan global. Pertama sekali, saya fikir adalah mustahak untuk menyatakan dengan jelas kepada para pembekal cara kami berfikir dan sikap korporat. Selepas itu kami mesti berfikir bersama-sama bagaimana hendak mengendalikan peraturan yang kami hendak ikut dan perkara-perkara yang memerlukan perhatian.

Mempraktikkan CSR dalam perniagaan teras menerusi produk mesra persekitaran

Unno Apabila memikirkan CSR sebagai satu faktor peluang, adalah amat penting untuk menyedari jumlah pelabur yang memasukkan daya usaha-daya usaha CSR sebagai penunjuk dalam penilaian korporat telah meningkat, seperti yang telah dilambangkan oleh pelaburan tanggungjawab sosial (SRI). Sementara masih lagi belum biasa, sama ada sebuah syarikat itu menjalankan atau tidak, daya usaha-daya usaha CSR telah mempengaruhi nilai korporat secara terus. Para pelabur memberi perhatian yang teliti terhadap perkara tersebut.

Ouchi Dan sebenarnya, para pelabur dari luar Jepun memberitahu kami bahawa lapik fotovoltaic kami merupakan perniagaan yang mempunyai harapan yang mereka jangka akan

berkembang dengan pesat dalam tahun-tahun mendatang. Dalam LIP-III, kami telah menyatakan kesanggupan untuk memberi tumpuan terhadap bidang persekitaran dan tenaga. Lapik fotovoltaic ini telah menggunakan teknologi kepersisan salutan filem nipis dan Lintec cemerlang dalam bidang ini. Sebenarnya, perniagaan ini telah berkembang dengan begitu pesat selama beberapa tahun ini. Perkembangan satu-satu produk yang tidak dikemukakan oleh syarikat lain telah benar-benar menolak nombor kami naik ke atas dengan begitu ketara sekali.

Unno Jurusan alam sekitar dan tenaga adalah satu bidang di mana keperluan-keperluan sosial akan terus meningkat di masa akan datang. Saya rasa dari sini lagi perkembangan teknologi berusaha ke arah mengurangkan kesan alam sekitar.

Ouchi Dari segi mengurangkan kesan alam sekitar, salah satu daripada produk kami, label untuk mesin-mesin pejabat, menggunakan mutu yang sama dan bahan yang sama seperti mesin-mesin pejabat yang sebenar untuk memastikan ianya dapat dikitar semula tanpa perlu menanggalkan label tersebut. Filem window kami yang dipasang pada binaan tingkap (filem penebat) menyumbang terhadap penjimatatan tenaga dengan meningkatkan kecekapan penyaman udara. Dan lagi, pemindahan kami kepada agen pelepas dan pelekat bebas pelarut bukan sahaja baik terhadap alam sekitar tetapi juga positif dari segi kecekapan pengeluaran.

Unno Lintec telah pun memenuhi CSR menerusi perniagaan terasnya. Mungkin adalah satu idea yang baik mengadakan satu standard untuk produk mesra alam sekitar dan menetapkan nisbah produk sebagai matlamat. Produk mesra alam sekitar perlu difikirkan dari segi risiko dan peluang; yang merupakan satu tema yang baik untuk CSR strategik. Saya mengesyorkan Lintec menumpukan pada perkara tersebut sambil bergerak ke hadapan dengan rancangan perniagaan tempoh sederhana yang baru di masa akan datang.

Mengubah CSR menjadi peluang dan terus bertindak menghadapi cabaran secara global

Ouchi Saya fikir menggunakan CSR sepenuhnya sebagai satu peluang perniagaan adalah satu tugas yang bakal dilalui. Saya sedar lagi hari ini, betapa pentingnya untuk menyemai keghairahan ke dalam sumber manusia secara global, menggunakan sumber-sumber dengan cekap, memastikan kesedaran sepenuhnya terhadap alam sekitar di kalangan semua pekerja dan mengukuhkan pengurusan bekalan yang berterusan. Maju ke hadapan, kami akan terus bersemangat memajukan daya usaha CSR kami. Terima kasih di atas wawasan hari ini.

Tema, Matlamat, Prestasi CSR

Nilai Lintec terkandung dalam manfaat yang ia bekalkan kepada dunia melalui usaha korporatnya. Kami bertekad untuk berjaya lebih jauh dari apa yang termaktub dalam matlamat kami, dipercayai dan terus tetap dipilih. Untuk mencapai hasrat ini, kami cuba memenuhi permintaan masyarakat dan tidak berhenti-henti menyahut cabaran pembaharuan teknikal dengan berani. Pengekalan Lintec bergantung pada penyumbangan terhadap pembangunan kekal masyarakat. Kami berusaha untuk

menyelesaikan isu-isu sosial menerusi perniagaan teras kami.

Dalam menjalankan daya usaha-daya usaha CSR, kami telah menubuhkan jawatankuasa bagi setiap enam pendekatan atas CSR kami. Kami melaksanakan ikut pusingan menetapkan matlamat pengelolaan bersilang, mengambil tindakan, menyemak prestasi dan menjadikannya lebih baik lagi. Perkara ini dapat memastikan daya usaha CSR kami membuat kemajuan yang kukuh dan stabil.

Tema dan Prestasi CSR Tahun Fiskal 2010

| Bidang | Komitmen Asas | Tema | Matlamat Tahun Fiskal 2010 |
|---|--|---|---|
| Etika Korporat | Menganggap etika dan pematuhan korporat sebagai tema-tema pengurusan yang utama dan memastikan setiap pekerja sedar betapa pentingnya perkara tersebut dan mempraktikkannya setiap hari. | <ul style="list-style-type: none"> • Semua pekerja berkelakuan sebagai seorang warga yang baik dan mempunyai kesedaran diri • Berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat yang boleh dipercayai oleh masyarakat dengan memastikan pematuhan yang teliti | <ul style="list-style-type: none"> • Mempertingkatkan etika menerusi rangka kerja penyertaan yang interaktif • Hendaklah dipatuhi dan disemak ubah peraturan pengurusan (kawalan maklumat, maklumat peribadi, rahsia perniagaan, dll) • Menjalankan aktiviti berdasarkan cadangan pekerja |
| CS (Kepuasan Pelanggan) | Menyediakan bekalan produk yang stabil dan meningkatkan lagi pengurusan mutu dan perkhidmatan berasaskan konsep utama menjamin pelanggan terhadap kebolehpercayaan dan pelaksanaan tanggungjawab | <ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan dan melaksanakan satu rancangan tindakan yang tertentu berdasarkan Dasar Mutu Lintec dan Garis Panduan Tindakan | <ul style="list-style-type: none"> • Mencapai tindakan-tindakan kukuh, disediakan mengikut lapan Garis Panduan Tindakan di bawah konsep slogan kepuasan pelanggan, "Produk Lintec Membuat Semua Orang Gembira!" "Lintec Products make everybody happy!" |
| Keselamatan, Pencegahan Bencana dan Kesihatan | Membina persekitaran tempat bekerja di mana para pekerja dapat bekerja dengan selamat, berdasarkan konsep mempertingkatkan kepuasan pekerja. | <ul style="list-style-type: none"> • Bersedia untuk tindakan segera terhadap bencana alam semula jadi dan bencana yang berpuncu dari manusia • Mewujudkan sistem pengurusan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja • Mewujudkan langkah-langkah untuk mencegah penyakit yang mudah berjangkit • Mewujudkan langkah-langkah menentang waktu bekerja yang panjang dan menggalakkan pengambilan cuti tahunan bergaji | <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan kerosakan akibat bencana alam semula jadi • Perancangan aktiviti oleh setiap cawangan di luar negara • Mengamalkan sistem pengurusan keselamatan pekerjaan dan kesihatan • Memelihara kesihatan mental para pekerja • Menubuhkan amalan tertentu berdasarkan rancangan tindakan melawan influenza yang baru • Memastikan kedudukan semasa dan sebab-sebab waktu bekerja yang panjang • Memikirkan bagaimana hendak menggalakkan pengambilan cuti tahunan bergaji |
| Sumbangan Sosial | Sebagai warga korporat yang baik terhadap masyarakat tempatan di mana kami beroperasi dan juga masyarakat antarabangsa, dapat menyelesaikan cabaran-cabaran sosial dan mengendalikan aktiviti-aktiviti realistik yang menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang kekal. | <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti-aktiviti yang realistik • Aktiviti-aktiviti yang kekal • Aktiviti-aktiviti berdasarkan masyarakat | <ul style="list-style-type: none"> • Mengendalikan aktiviti-aktiviti yang wajar, yang dijalankan cara Lintec dan berinteraksi dengan masyarakat tempatan • Peningkatan dan pengukuhan aktiviti-aktiviti • Mempertingkatkan kesanggupan para pekerja untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dan menyokong penglibatan mereka |
| IR Hubungan Pelabur | Mengendalikan pengurusan yang menitikberatkan pemegang-pemegang saham dan para pelabur dan mengambil langkah untuk menaikkan lagi jenama korporat | <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan penilaian dalam pasaran saham (penentuan harga saham yang wajar) dan berusaha untuk meningkatkan lagi nilai korporat dan pemegang saham | <ul style="list-style-type: none"> • Memupuk dan mengukuhkan hubungan dengan para pelabur dan juruanalisis pemegang saham • Mengukuhkan hubungan dengan para pelabur • Meningkatkan pengiktirafan nama dan mengukuhkan penyebaran |
| Pelindungan alam sekitar | Sebagai sebuah pengilang bahan yang menjalankan aktiviti seluruh syarikat dalam pengeluaran, R&D, dan bahagian-bahagian lain berasaskan prinsip mengurangkan kesan alam sekitar | <ul style="list-style-type: none"> • Memajukan produk-produk yang mesra alam sekitar • Mengurangkan pengeluaran CO₂ • Mengurangkan kadar buangan penimbusan tanah • Mengurangkan dan menghapuskan bahan yang meninggalkan kesan negatif terhadap alam sekitar | <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan jualan produk mesra alam sekitar • Pengeluaran CO₂: 185 000 ton setahun • Mengelakkan kadar buangan penimbusan tanah: 0.2% • Jumlah toluene yang dikeluarkan ke udara: 1 000 ton • Mematuhi dengan tepat peraturan bahan kimia • Nisbah kertas pelepas yang bebas pelarut (dasar kuantiti pengeluaran): 54% • Nisbah produk pelekat berkaitan dengan percetakan yang bebas pelarut (jualan berasaskan kuantiti): 70% |



Hiroyuki Nishio

Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan

Kami bertekad untuk mengendalikan aktiviti korporat dengan penuh komitmen terhadap pengurusan dorongan CSR seperti yang diisyiharkan dalam rancangan perniagaan tempoh sederhana yang baru. Perkembangan global usaha ini memerlukan semua pekerja di dalam dan di luar Jepun memahami dan mempraktikkan semangat CSR, dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi harapan masyarakat global. Dalam tahun fiskal 2010, sebagai tambahan terhadap daya usaha-daya usaha jawatankuasa CSR, kami secara aktif mengusahakan pendidikan CSR dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran CSR. Tambahan lagi, dalam bulan April 2011, kami telah mengumumkan penyertaan kami dalam Perjanjian Global UN. Maju ke hadapan, kami akan memajukan daya usaha-daya usaha kami secara global dengan merujuk kepada ISO 26000.

Aktiviti-aktiviti Utama Tahun Fiskal 2010

Komen daripada pegawai yang bertanggungjawab

- Rini Kawaraban, penerbitan yang berterusan bagi ruangan berita etika dan juga menerbitkan buku kecil tahunan
- Menerbitkan buku kecil mengenai Garis Panduan Pematuhan
- Menyudahkan audit dalaman ibu pejabat berhubung dengan keselamatan maklumat
- Menyediakan pembelajaran elektronik dalam pengurusan syarikat yang berasaskan asuhan

Kenji Kobayashi

Pegawai yang bertanggungjawab meningkatkan etika syarikat

(Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)

Dalam usaha untuk mengekalkan etika korporat, setiap seorang pekerja perlu memahami etika korporat dan mempraktikkannya setiap hari seperti hak milik sendiri. Kami akan terus menyebarkan dan meningkatkan kesedaran standard etika dalam usaha untuk mencegah masalah.

- Menyediakan pembelajaran elektronik dalam penggunaan teknik-teknik statistik dan peninjauan semula reka bentuk
- Mengendalikan dan menganalisa soal selidik pembekal
- Mengendalikan dan menganalisa soal selidik pekerja berhubung dengan komunikasi

Makoto Iiumi

Pegawai yang bertanggungjawab meningkatkan kepuasan pelanggan

(Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)

Kami berazam untuk memastikan "Produk Lintec Membuat Semua Orang Gembira!" Untuk mencapai hasrat ini, kami akan mengambil tindakan berdasarkan lapan Garis Panduan Tindakan Dasar Mutu Lintec dan akan mengukuhkan kerjasama sepanjang rantetan kegiatan perniagaan dengan para pembekal.

- Menubuhkan Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Lintec
- Memulakan operasi sepenuhnya ke atas sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Meninjau semula krisis manual pengurusan bagi pusat-pusat operasi di luar Jepun
- Menyediakan pemeriksaan kesihatan emosi di 10 buah syarikat kumpulan Lintec di Jepun, termasuk syarikat-syarikat gabungan; kadar rundingan: 92%
- Memperkenalkan bantuan kesihatan di luar Jepun
- Mengenakan standard operasi bagi kedatangan di tempat kerja ketika tercetusnya influenza yang baru

Koji Koyama

Pegawai yang bertanggungjawab mempertingkatkan Keselamatan, Pencegahan Bencana dan Kesihatan

(Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)

Dengan mengambil tindakan berdasarkan Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, kami akan membina persekitaran bekerja di mana semua pekerja Lintec boleh bekerja bersama dengan penuh ghairah, dalam keadaan yang selamat dan dengan fikiran yang tenang serta mengecapi kepuasan pekerjaan.

- Mengendalikan gerakan pembersihan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam kempen menentang jenayah terancang setempat di Itabashi
- Berusaha menghulurkan bantuan kepada insan yang kurang upaya
- Menghulurkan bantuan kewangan kepada mangsa Gempa Bumi Jepun Timur yang dahsyat itu
- Menerima sejumlah 962 pelawat yang membuat lawatan ke logi dan kemudahan yang terdapat di enam buah kawasan perniagaan

Koji Ichihashi

Pegawai yang bertanggungjawab Mempertingkatkan Sumbangan-sumbangan Sosial

(Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)

Berazam akan kewujudan yang harmoni bersama masyarakat, kami melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sumbangan sosial di setiap tempat perniagaan di dalam dan di luar Jepun. Maju ke hadapan, kami akan mengambil langkah-langkah untuk memenuhi harapan masyarakat dan terus kekal dipercai semasa berkomunikasi dengan mereka.

- Menerima temu ramah dan membuat lawatan peribadi menemui pelabur keinstitusian dan juruanalisis sekuriti
- Mengambil bahagian dalam kegiatan IR bagi pelabur keinstitusian dari luar Jepun
- Mengadakan taklimat bagi pelabur individu
- Menambah bekalan maklumat menerusi surat berita dan laman jaring IT pemegang saham

Hitoshi Asai

Pegawai yang bertanggungjawab mempromosikan IR

(Pengarah, Pegawai Eksekutif Urusan)

Kami mesti membekalkan maklumat yang tepat secara adil dan sesuai pada waktunya kepada pemegang saham dan pelabur supaya dapat memperoleh kepercayaan mereka. Kami berazam untuk menjalankan daya usaha-daya usaha IR dan membina hubungan kepercayaan yang lebih kuat lagi.

- Kemajuan produk berdasarkan garis panduan-garis panduan baru

Yoshiyuki Yamato

Pegawai yang bertanggungjawab terhadap Perlindungan Alam Sekitar

(Pegawai Eksekutif Urusan)


Sedar akan tanggungjawab kami sebagai pengilang, kami telah menetapkan matlamat berangka terhadap bahan-bahan yang memudaratkan alam sekitar, penggunaan tenaga, pengeluaran CO₂ dan jumlah bahan buangan dan kami juga akan terus berusaha untuk mengurangkan kesan persekitaran Lintec.

- CO₂ yang dikeluarkan lebih kurang 183 000 ton setahun, mencapai matlamatnya

- Buangan penimbasan tanah 10 ton setahun, mencapai matlamatnya (kadar buangan penimbasan tanah yang terakhir: 0.03%)

- Toluene yang dikeluarkan lebih kurang 555 ton setahun, mencapai matlamatnya
- Mematuhi EU dan peraturan-peraturan lain dan menyampaikan sedemikian kepada pembekal-pembekal
- Kertas pelepas bebas pelarut 51%, tidak mencapai matlamatnya
- Produk pelekat percetakan yang bebas pelarut 68%, tidak mencapai matlamatnya

Aktiviti-aktiviti alam sekitar 8 buah syarikat kumpulan luar negeri



1 LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Syarikat ini telah menukar kepada penggunaan pencahayaan LED sejak bulan Januari 2011 demi memudahkan keselamatan dan penjimatatan tenaga.

Dalam bulan Februari 2011, syarikat telah menukar kepada penggunaan LED untuk loji dan akan menukar kepada penggunaan LED untuk gudang juga di masa akan datang. Syarikat akan terus meneruskan kecekapan tenaga yang diperbaik melalui cara ini.



Pencahayaan LED di dalam loji

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:

Daerah Baru Suzhou, Wilayah Jiangsu, China

Jumlah Pekerja:

217 orang (mulai 31hb Disember 2010)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:

Pembuatan dan penjualan bahan-bahan pencetakan, bahan-bahan perusahaan dan produk yang berkaitan dengan kertas dan pemprosesan

2 LINTEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD.

Dalam bulan Mei 2010, syarikat ini telah memulakan usaha untuk memperoleh pengiktirafan integrasi global ISO 14001. Syarikat ini telah mengendalikan audit dalaman dan kajian semula pengurusan menurut manual penyepadan. Dan dalam bulan Mac 2011 pengesahan dan pendaftarannya telah pun dipersetujui. Sebagai sebuah kawasan yang bersepadu, syarikat akan terus berusaha untuk mengurangkan lebih banyak lagi bahan buangan dan meningkatkan lagi kesedaran alam sekitar.



Pejabat Perusahaan Lintec (Tianjin) memperoleh pengiktirafan integrasi global ISO 14001

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:

Daerah Nankai, Tianjin, China

Jumlah Pekerja:

253 orang (mulai 31hb Disember 2010)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:

Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan bahan-bahan pencetakan dan bahan-bahan perusahaan

3 LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Sejak bulan Januari 2010, syarikat ini telah menyukat VOC menggunakan alat pengawasan dan penyukatan automatik dan hasilnya dilaporkan kepada Pentadbiran Perlindungan Alam Sekitar setiap bulan secara rutin. Ia dapat memastikan keluaran bahan buangan dan ia juga sedang memikirkan untuk menggunakan syarikat pembuangan bahan buangan (cairan bahan buangan) yang mempunyai rekod alam sekitar yang baik.

Syarikat juga menghadiri taklimat yang diadakan oleh Pejabat Pentadbiran Taman Sains bahagian selatan Taiwan dan Pentadbiran Perlindungan Alam Sekitar. Ia akan terus mengumpul maklumat yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar dan akan berusaha mengurangkan bahan buangan dan VOC.



Alat pengawasan dan penyukatan VOC automatik

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:

Shanhua Township, Tainan County, Taiwan

Jumlah Pekerja:

95 orang (mulai 31hb Disember 2010)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:

Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

4 LINTEC KOREA, INC.

Di bilik bersih stesen yang mengendalikan bahan yang merbahaya, udara penyaman udara segera digunakan hingga habis apabila berkemungkinan berlakunya kecemasan, walaupun tidak terdapat gas VOC. Dengan mengalihkan semula udara penyaman udara ke suhu yang dikawal, di luar gudang bahan yang merbahaya, mungkin boleh memberhentikan alat penyaman udara yang sedia ada, ditukarkan menjadi penjimatatan tenaga dan mengurangkan pengeluaran CO₂.



Saluran ekzos udara penyaman udara

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:

Cheongwon County, Wilayah Chungcheong, Utara Korea

Jumlah Pekerja:

94 orang (mulai 31hb Disember 2010)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:

Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

5 LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Syarikat ini terus mengawasi arah aliran keluaran bahan buangan dan berusaha untuk menjimatkan tenaga. Dalam tahun fiskal 2010, ia mengubah cara menguruskan bahan buangan kayu (palet kayu). Dahulu, syarikat buang begitu sahaja palet kayu yang digunakan untuk penghantaran barang dari Jepun dengan membakar palet kayu itu kerana tidak dapat digunakan dalam pengedaran di Korea, di mana saiz palet berbeza. Walau bagaimanapun, sejak bulan September 2010, syarikat telah menggunakan semula semua palet kayu dengan meminta kontraktor memotong palet kayu itu dan membuat semula mengikut standard pengedaran di Korea.



Memasang palet kayu

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:

Pyeongtaek, Wilayah Gyeonggi, Korea

Jumlah Pekerja:

106 orang (mulai 31hb Disember 2010)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:

Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

6 PT. LINTEC INDONESIA

Dalam bulan April 2011, syarikat ini telah mengadakan pertandingan mengambil gambar alam sekitar untuk meningkatkan kesedaran pekerja terhadap alam sekitar. Pengadil pertandingan tersebut telah memilih empat gambar yang terbaik dengan menilai gambar-gambar yang dipamerkan dari tiga sudut: mesej alam sekitar, kesesuaian tajuk, dan mutu gambar. Sejak bulan Jun, syarikat telah mempamerkan maklumat berhubung dengan alam sekitar setiap bulan di dalam syarikat dalam usaha untuk menyebarkan kesedaran.



Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:

Bogor, Java Barat, Indonesia

Jumlah Pekerja:

311 orang (mulai 31hb Disember 2010)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:

Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan bahan-bahan pencetakan dan bahan-bahan perusahaan

7 LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Anggota kakitangan syarikat ini bergilir-gilir menyampaikan sebuah tajuk berhubung dengan alam sekitar pada waktu mesyuarat sebelah pagi setiap hari Jumaat. Dengan meminta pekerja menyelidik dan menyampaikan tajuk mengenai alam sekitar yang mereka berminat telah menyebabkan meningkatnya kesedaran terhadap alam sekitar dalam diri setiap individu.

Syarikat ini akan meneruskan dengan sendiri menjalankan idea usaha yang membolehkan pekerja melibatkan diri dalam isu alam sekitar.



Penyampaian mesyuarat sebelah pagi oleh seorang penyampai pada hari itu

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:

Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia

Jumlah Pekerja:

91 orang (mulai 31hb Disember 2010)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:

Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

8 LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Perniagaan utama syarikat ini adalah pemotongan dan penghantaran filem. Setiap bulan, ia mengeluarkan secara purata lebih kurang 3 ton buangan potongan. Syarikat ini mempunyai syarikat kitar semula yang mengambil buangan potongan tersebut dengan tujuan memelihara alam sekitar. Bahan buangan itu dikategorikan ke dalam dua kelas. Setiap kelas ditandakan dengan warna dan disimpan di stesen tempat simpanan sementara untuk mengelakkan daripada membuat kesilapan ketika dibawa pergi.



Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:

Kuching, Sarawak, Malaysia

Jumlah Pekerja:


26 orang (mulai 31hb Disember 2010)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:


Pemprosesan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

Data Pelaksanaan Alam Sekitar dalam Tahun Fiskal 2010


Jumlah yang dikendalikan dan pengeluaran VOC



Penggunaan Kuasa Elektrik



Bahan api (Minyak Ringan dan Gas Asli) Penggunaan (Penukar Minyak Mentah)



Perhatian: 1. VOCs = toluene and methyl ethyl ketone

2. Angka-angka yang ditentukan dalam Artikel 4 penguatkuasaan peraturan Akta Pemuliharaan Tenaga, Jepun digunakan untuk nilai kalori setiap bahan api yang digunakan untuk mengira persamaan minyak mentah bahan api yang telah digunakan.

3. LSFT = Lintec Speciality Films (Taiwan)

LSFK = Lintec Speciality Films (Korea)

Pengurusan CSR

Benar terhadap keunggulan moto syarikat ini, "Keikhlasan dan Kreativiti", Kumpulan Lintec berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua usaha korporat dihormati sepenuhnya. Di bawah ini adalah laporan mengenai usaha-usaha Kumpulan Lintec dan mengenai sistem-sistem yang membolehkan idea tersebut diperaktikkan dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

Edisi semakan mengenai garis panduan pematuhan yang diterbitkan

Dalam bulan April 2011, Kumpulan Lintec telah menerbitkan edisi semakan garis panduan pematuhan. Dalam edisi semakan tersebut garis panduan mengenai prosedur pengiraan dan undang-undang anti-monopoli dan isi kandungan bahagian Q&A sebahagiannya telah diubah dan susun aturnya menjadi semakin jelas.

Garis panduan tersebut membantu semua pekerja dalam Kumpulan Lintec mendalami pemahaman mereka dan berpegang teguh pada undang-undang dan standard etika dalam segala tindakan mereka. Setiap seorang pekerja sentiasa cuba membawa salinan garis panduan dan menggunakananya untuk mengharungi isu mengenai pematuhan dan aktiviti sosial.



Garis Panduan
Pematuhan

Pengurusan Keselamatan Maklumat

Mulai tahun fiskal 2009, semua kawasan perniagaan dalam Kumpulan Lintec di Jepun telah menjalankan semakan sendiri dalam syarikat berdasarkan senarai semakan audit dalaman peraturan untuk kawalan keselamatan maklumat, dan Jawatankuasa Etika Korporat memulakan audit dalaman ibu pejabat, Pejabat lidabashi dan juga Cawangan Osaka. Dalam tahun fiskal 2010, audit dalaman telah pun selesai bagi semua bahagian di ibu pejabat. Penilaian keseluruhan tersebut telah mendapati bahawa ia tidak cukup membuat persediaan dalam menyediakan peraturan dan prosedur manual yang teliti untuk keselamatan maklumat dan ini merupakan satu aspek yang perlu dibaiki lagi. Oleh kerana kandungannya berbeza di setiap bahagian, Jawatankuasa Etika Korporat telah menyediakan peraturan yang teliti mengenai keselamatan maklumat dan senarai semakan audit dalaman sebagai contoh. Setiap bahagian, kini, telah menyediakan peraturan yang teliti dan menubuhkan sistem audit-sendiri.

Dasar Mutu

Berasaskan Dasar Mutu Lintec^{*1}, Kumpulan Lintec berusaha untuk memastikan pengurusan mutu yang teliti, sentiasa mengingati perspektif pelanggan dan berusaha untuk memenuhi slogan, "Produk Lintec Membuat Semua Orang Gembira!"

Kumpulan yang bekerja di pengurusan mutu, mereka kajian semula^{*2}, pengurusan dari bawah ke atas yang teliti terhadap sumber, dan semakan serta pengembangan sistem pengurusan mutunya untuk memenuhi harapan pelanggan yang semakin meningkat. Menerusi usaha ini, kumpulan ini bertekad untuk mewujudkan daya usaha yang bersepadau demi memperbaik perkhidmatan dan mutu produk.

Urus niaga yang adil

Dasar asas Kumpulan Lintec adalah untuk mengendalikan pemerolehan yang ketara dengan semua pembekal. Ketika memilih atau membuat keputusan untuk meneruskan urus niaga dengan pembekal Kumpulan Lintec nilai dengan sewajarnya mutu, kos, jangka waktu penghantaran, kestabilan bekalan, keupayaan teknikal, perkhidmatan dan usaha perlindungan alam sekitar, dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membentuk, mengekalkan dan memperbaik hubungan rakan kongsi yang kukuh.

Rondaan pengurusan atasan di tapak pengeluaran

Kumpulan Lintec mengendalikan rondaan oleh pengurusan atasan (top patrol) di mana presiden memeriksa loji dan pusat penyelidikan di Jepun dan pengeluaran di luar negeri yang bertapak di Asia Tenggara, China dan Amerika Syarikat. Dengan adanya pandangan audit bersama, presiden diiringi oleh pengurus keselamatan dari loji yang lain semasa membuat rondaan di Jepun, dan setiap orang bertukar-tukar pendapat dari pandangan mereka yang unik. Pemeriksaan yang dilakukan oleh presiden ke atas kawasan telah meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan tempat bekerja dan mesra alam sekitar.



Tuan presiden memeriksa Loji Tatsuno

Sistem Pengurusan Alam Sekitar: Usaha-usaha untuk memperoleh pengiktirafan integrasi

Ibu pejabat Lintec, 10 buah loji di Jepun, pusat penyelidikan dan Tokyo Lintec Kako, Inc. mengendalikan sistem pengurusan alam sekitar ISO 14001 yang integrasi. Dan lagi, Kumpulan Lintec bergerak ke depan dengan usaha untuk memperoleh pengiktirafan integrasi global ISO 14001^{*3} termasuk 5 buah kumpulan syarikat di luar Jepun yang telah pun memperoleh pengiktirafan ISO 14001. Dalam bulan Mac 2011, Lintec (Tianjin) Industry Co. Ltd. telah diintegrasikan. Bersama dengan Lintec (Suzhou) Tech Corporation, dua buah syarikat di luar Jepun telah diintergrasikan dalam bulan April 2011, Lintec akan meneruskan integrasi PT. Lintec Indonesia, Lintec Korea, Inc. dan Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd.



Mesyuarat bermula di Malaysia

Pengiktirafan ISO 14001 Kumpulan Syarikat di luar Jepun

| Nama syarikat | Tarikh pemerolehan |
|--|--------------------------------------|
| LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION LINTEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD | 21hb Mei 2010 28hb Mac 2011 |
| PT. LINTEC INDONESIA LINTEC KOREA, INC. LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD. | Bagi tahun 2011 (dalam rancangan) |

*1 Dasar Mutu Lintec (petikan): Bermula dari "pembuatan" berdasarkan "mutu", "pertimbangan terhadap alam sekitar" dan "keselamatan", kami berusaha untuk memajukan, membuat dan menjual produk-produk melalui aktiviti perniagaan yang dapat memperoleh dan mengekalkan kebolehpercayaan semua pemegang amanah harta.

Sila lihat Dasar Mutu Lintec sepenultimo dalam talian di: <http://www.lintec-global.com/about/csr/quality.html>

*2 Kajian semula reka bentuk: Satu peluang untuk menyemak dan menilai hasil kerja pembangunan (contoh: kertas tentuan dan dokumen reka bentuk) oleh beberapa orang yang mempunyai sudut pandangan yang berbeza, seperti kakitangan dari bahagian pembuatan dan penjualan. Kajian semula reka bentuk yang dijelaskan di dalam Standard Perindustrian Jepun (JIS) dan Pertubuhan Antarabangsa untuk Penyandaran (ISO) siri 9000.

*3 Pengiktirafan integrasi global ISO 14001: pengiktirafan ISO 14001 meliputi kawasan pelbagai perniagaan di seluruh dunia sebagai sebuah organisasi yang tunggal.

Komunikasi CSR

Apakah yang diharapkan oleh masyarakat dari Lintec dan apa pula tindakan syarikat? Komunikasi yang berterusan dengan pemegang amanah harta adalah perlu untuk menjawab soalan ini. Laporan kami berhubung dengan aktiviti sumbangan sosial yang dijalankan untuk tahun 2010 adalah seperti berikut:

Projek mengindahkan dan membersihkan

Kumpulan Lintec secara rutin telah menjalankan projek mengindahkan dan membersihkan kawasan tetangga.

Loji Mishima telah menanam azalea di Taman Mishima sebagai projek mengindahkan kawasan tersebut. Loji Kumagaya telah melibatkan diri dalam sebuah persatuan yang mementingkan nikmat tinggal berdekatan dengan Sungai Arakawa. Loji Kumagaya dan Komatsushima pula telah melibatkan diri dalam aktiviti "Refresh Setouchi", projek membersihkan kawasan. Selain itu, semua loji sentiasa menjalankan aktiviti membersihkan jalan raya awam.



Pekerja Loji Kumagaya melibatkan diri dalam masyarakat

Bergerak ke depan, Kumpulan Lintec akan terus mengambil bahagian yang aktif dalam projek mengindahkan alam sekitar dan membersihkan komuniti.

Projek menyokong insan istimewa atau insan kurang upaya di Lintec Singapore Private Limited

Sebagai sebahagian dari daya usaha sumbangan sosial, Lintec Singapore Private Limited telah bergabung dengan Hearts@Work^{*1} sejak bulan Mac 2010. Menerusi projek ini, syarikat telah meminta mereka yang mempunyai cabaran intelektual melaksanakan pekerjaan pembungkusan bagi produk-produk tertentu.

Penghantaran yang pertama telah dibuat dalam bulan Mei 2010, dan para pelanggan berasa puas hati. Syarikat akan terus menyokong sikap berdikari insan istimewa atau insan kurang upaya dan kekal aktif melibatkan diri dalam daya usaha berdasarkan komuniti.



Pekerjaan pembungkusan yang teliti

Menyertai pameran di dalam dan di luar Jepun

Lintec turut menyertai pameran yang diadakan di dalam dan di luar Jepun untuk mewujudkan peluang supaya dapat mendengar pendapat daripada lebih ramai pelanggan.

Dalam tahun fiskal 2010, Lintec telah menyertai 14 buah pameran kesemuanya dan telah menerima maklum balas yang bernilai mengenai produknya.



Menyertai pameran "RFID^{*2} Solutions Expo" yang kelima

Laporan CSR diterbitkan di dalam lima bahasa

Bermula dari Laporan CSR 2010 (diterbitkan dalam bulan September 2010), Kumpulan Lintec menerbitkan laporan CSR dalam bentuk PDF dan diterjemahkan ke dalam bahasa tempatan anggota gabungannya di luar Jepun. Matlamatnya adalah untuk melaporkan tentang daya usaha CSR Lintec kepada pekerja tempatan, pelanggan dan pembekal kumpulan syarikat di luar Jepun. Mesej daripada presiden,

struktur pelaksanaan CSR dan perkara-perkara lain yang menarik perhatian diterima dari laporan bahasa Jepun dan diterjemahkan ke dalam lima bahasa: bahasa Inggeris, bahasa Korea, bahasa Cina yang mudah dan yang tradisi, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Komunikasi CSR di Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd.

Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd. menggunakan Laporan CSR 2010 yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk mengadakan empat seminar bertujuan memberi pemahaman mengenai CSR kepada pekerja tempatan. (Seminar yang pertama diadakan pada 18hb Mei 2011)

Kemampuan menyampaikan isi kandungan laporan CSR terus kepada pekerja tempatan di Malaysia telah membantu meningkatkan tahap pemahaman mereka mengenai CSR.



Seminar mengenai CSR menggunakan Laporan CSR 2010 yang telah diterjemahkan

Tahun-tahun yang akan datang, syarikat akan terus menggunakan laporan CSR sebagai alat untuk berkomunikasi dengan pekerja tempatan.

Berkomunikasi dengan pemegang saham

Lintec menganggap mesyuarat agung pemegang saham yang diadakan dalam bulan Jun setiap tahun sebagai satu peluang yang berharga untuk berkomunikasi. Syarikat cuba mengelakkan hari di mana banyak syarikat mengadakan mesyuarat pemegang saham supaya ia dapat sebanyak mungkin ahli yang dapat menghadirkan diri. Satu taklimat pemegang saham diadakan setelah selesai mesyuarat agung dengan tujuan meningkatkan pemahaman mereka terhadap Lintec dan memudahkan dialog bersama pemegang saham.

Syarikat juga telah menerbitkan majalah WAVE, majalah suku tahunan pemegang saham, yang memuatkan maklumat kewangan, strategi perniagaan dan maklumat produk. Majalah ini sebagai alat untuk memberi pemahaman yang lebih baik mengenai Lintec kepada pemegang saham. Setahun sekali satu kajian soal selidik pembaca dijalankan menerusi majalah tersebut dan usaha telah dibuat untuk mengukuhkan pengurusan dan mempertingkatkan daya usaha IR^{*3} berdasarkan maklum balas pendapat dan permintaan pembaca.



WAVE majalah pemegang saham

*1 Hearts@Work: Sebuah projek Perkhidmatan Kebajikan Katolik yang tidak membuat untung, yang menggalakkan insan yang mempunyai cabaran intelektual supaya berdikari dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosioekonomi.

*2 RFID: Identifikasi Frekuensi Radio. Teknologi yang boleh menghantar dan menerima data melalui komunikasi wayarles jarak dekat menggunakan medan elektromagnet dan gelombang radio dari teg yang bertatahkan data ID.

*3 IR (hubungan pelabur): Aktiviti syarikat adalah menyediakan pengurusan, kewangan, pelaksanaan perniagaan, dan maklumat korporat lain untuk para pemegang saham dan para pelabur.